


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Daniel Iskandar
Life's tough but so are you!
Puchong, Selangor: Jasmin Publications, 2018.

Fitrah manusia dijadikan oleh Allah s.w.t. inginkan kehidupan yang tenang, tenteram dan sentiasa dalam kegembiraan. Namun dalam kita menjalani kehidupan di dunia penuh pancaroba ini kita tidak dapat lari daripada perkara-perkara yang boleh menyebabkan kita berduakacita apabila perkara-perkara yang tidak kita ingini berlaku tanpa dijangka.

Maka, penerbitan buku yang diusahakan penyusunnya oleh saudara Daniel Iskandar ini amat dialu-alukan bagi memberikan panduan untuk kita tangani perasaan kecewa dan dukacita dengan merenung kembali setiap kejadian itu dan rahmat disebaliknya supaya kita tidak berputus asa dengan nasib malang yang menimpa. Ini sesuai dengan tujuan buku ini dihasilkan agar memberi manfaat serta bimbingan kepada sekalian muslim dan muslimat agar memperoleh ilmu untuk menghadapi kehidupan di dunia serta mendapat keredhaan Alllah s.w.t. di akhirat kelak.

Menurut penulis, bagi mencapai tahap keredhaan di atas ketentuan Allah s.w.t. di atas segala sesuatu yang berlaku mempunyai rahmatNya adalah atas dorongan iman dari dalam diri dan satu keyakinan yang kuat. Hanya dengan ini sahajalah, kita layak diberi pembalasan pahala, dirahmati kehidupan dan memperoleh kebahagian di dunia dan akhirat.

Terdapat pelbagai kaedah yang boleh dilakukan untuk kita mencapai tahap keimanan dan ketakwaan kepada Allah s.w.t. Di antaranya sebagaimana terkandung dalam Bab 1 kita dianjurkan supaya sentiasa berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Dalam bab ini disenaraikan sebanyak 33 faedah daripada selawat sebagaimana diperjelaskan oleh Imam Ibnu Qayyim dalam kitab Jalaul Afham. Menurut beliau, selawat atas Nabi s.a.w merupakan perintah Allah s.w.t. Betapa pentingnya selawat sehingga sesebuah yang mengucapkannya sekali, maka Allah s.w.t akan membendasnya sepuluh kali.

Pelbagai faedah daripada amalan berselawat ke atas Nabi s.a.w. yang diperoleh termasuk diangkat sepuluh darjah, mendapat kebaikan, dihilangkan sepuluh kejahanan, datangnya syafaat Nabi s.a.w., dicukupkanNya keinginan seorang hamba, didekatkan dengan Nabi s.a.w. ketika hari kiamat dan berbagai faedah lagi untuk mendapat rahmatNya dan mencapai kebahagiaan hidup dunia akhirat.

Mulai dari Bab 2 dan beberapa bab seterusnya, kita dibawa untuk merenung dan memikirkan kenapa kita tidak seharusnya terus bersedih di atas sesuatu yang menimpa, kehilangan seseorang atau sesuatu yang dimiliki, atau tidak memperoleh apa yang dihajati. Jangan bersedih sebaliknya bertawakalah kepada Allah s.w.t. dan kerjakan segala suruhanNya dan tinggalkan laranganNya nescaya Allah s.w.t akan memberikan jalan keluar daripada segala perkara yang menyusahkan dan menyediakan. Sebagai panduan dan rujukan turut disertakan ayat-ayat Al-quran seperti Surah Ah-Thalaq ayat 2:3., Al-Baqarah :152 dan seterusnya.

Perkara seterusnya yang perlu diutamakan ialah akhlak mulia iaitu dengan menjadikan diri kita sebagai seorang yang berakhlak baik. Daripada akhlak yang baik, maka akan lahirlah ketaatan kepada Allah s.w.t., menghapuskan keburukan,

beroleh keampunan Allah s.w.t., mendapat kecintaan Allah s.w.t., memanjangkan umur, menyukai dan disukai orang, bermanfaat kepada orang lain, memperoleh bantuan Allah s.w.t. dan seterusnya, sebagaimana firman Allah s.w.t.

“Dan tidaklah sama (kesannya dan hukumnya) perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditunjukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik; apabila engkau berlaku demikian maka orang yang menaruh rasa permusuhan terhadapmu, dengan serta merta akan menjadi seolah-olah seorang sahabat karib. Dan sifat yang terpuji ini tidak dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh orang-orang yang bersikap sabar, dan tidak juga dapat diterima dan diamalkan melainkan oleh yang mempunyai bahagian yang besar dari kebahagiaan dunia dan akhirat. ”
(Al-Fussilat:34-35)

Buku ini disusun dengan ringkas dan mudah untuk dihayati sesiapa sahaja kerana menggunakan bahasa yang mudah dan jelas. Amat sesuai untuk bacaan umum sebagai panduan dan rujukan untuk meningkatkan motivasi diri seluruh umat Islam yang kini berdepan dengan pelbagai masalah sosial dan kepincangan dalam menjalani kehidupan di dunia serba moden dan pelbagai cabaran ini.

Pengulas

Datin Munazzah Bt Zakaria
Pengarah
Pembangunan Koleksi Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Mukhriz Mat Rus

Siapa Bukan Teroris?

Negeri Sembilan: Ilhambooks, 2018.

Buku hasil nukilan oleh Mukhriz Mat Rus ini mengandungi 4 bab yang memberi penjelasan dan gambaran umum kepada pembaca bahawa terdapat pelbagai tafsiran dan definisi perkataan “teroris” baik di Malaysia mahupun di luar negara. Penulis mempunyai kelulusan dalam bidang undang-undang dari Universiti Awam serta pernah menjadi seorang pendakwa raya dan kini sedang menuntut di University of Leeds, UK dalam bidang yang berkaitan. Pada masa yang sama, buku ini adalah salah satu hasil penyelidikan beliau yang lebih menjurus kepada tema ‘terorisme’.

Dengan adanya tafsiran yang begitu umum terhadap definisi teroris ini, masyarakat setempat juga turut terbiasa dengan pemahaman tersebut dan terbawa-bawa sehingga mempunyai tanggapan yang negatif terhadap definisi perkataan ini. Namun, penulis telah memberi penjelasan dengan mengemukakan beberapa teori bahawa terdapat juga tafsiran yang positif mengenai definisi teroris ini. Namun tafsiran tersebut bergantung kepada situasi yang dialami pada waktu kejadian.

Penulis juga memberi penerangan bahawa tidak semua teroris mempunyai matlamat untuk memusnahkan atau menghancurkan sesuatu keadaan.

Bab pertama dalam buku ini “berkisar tentang aspek politikal dalam tindakan terorisme yang menjadi unsur utama yang sering ditekankan”. Bab pertama mengetengahkan terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada pertembungan antara terorisme dan usaha kemerdekaan. Antaranya adalah kekerasan politik dan terorisme, terorisme dan perang dan pembunuhan politik dan terorisme. Dalam setiap faktor tersebut, penulis menerangkan idea-idea beliau beserta dengan contoh kejadian yang telah berlaku di seluruh dunia. Setiap penerangan juga dibuktikan dengan fakta dari sumber yang sahih dan berautoriti. Retorik penerangan yang penulis gunakan membuat pembaca mudah memahami penjelasan yang dihuraikan.

Secara umum, kekerasan politik yang dihuraikan mempunyai dua kategori iaitu kekerasan politik massa dan juga kekerasan politik kelompok kecil. Perbezaan antara dua kategori ini hanyalah aspek legitimasi dimana kekerasan politik massa lebih berat berbanding kekerasan secara kelompok kecil. Hal ini kerana kekerasan politik massa melibatkan bebanan yang amat berat untuk diselesaikan serta memerlukan kerjasama antarabangsa untuk membendungnya. Namun, ia tidak bermaksud kekerasan secara kelompok dipandang ringan kerana kekerasan secara kelompok ini juga menyumbang keadaan yang lebih keruh lagi terhadap kekerasan politik massa. Penulis juga mengatakan bahawa perbezaan antara dua kategori ini adakah begitu halus. Rumusan bagi bab pertama ini, penulis menegaskan dengan memetik pendapat ahli falsafah bahawa “tidak semestinya pengganas bertindak ganas dan layak dilabelkan sebagai teroris”. Sesuai dengan objektif pertama tidak semestinya ahli politik negara yang menerapkan ideologi atau fahaman yang berbeza dalam pemerintahan adalah pemimpin teroris.

Selanjutnya, penulis menerangkan “bagaimana tanggapan terhadap fenomena terorisme mempengaruhi tindakbalas sesebuah Negara”. Dalam perbincangan buku ini, penulis menjelaskan reaksi masyarakat umum terhadap pengaruh terorisme. Hakikatnya, manusia mempunyai pandangan yang berbeza dan cara pemikiran setiap individu atau

kelompok sukar diramal. Hal ini juga dijelaskan oleh penulis dengan menyatakan tiga tanggapan bahawa terorisme merupakan satu fenomena yang tidak boleh difahami. Terdapat tiga tanggapan yang utama iaitu persepsi yang “dijana secara global dan lokal, kecenderungan untuk melihat teroris sebagai mahluk asing dan kekurangan maklumat serta penyelidikan”.

Berdasarkan penerangan setiap tanggapan tersebut, penulis menegaskan bahawa tindakan yang diambil untuk membendung fenomena terorisme ini adalah bukan berdasarkan aspek-aspek yang bertentangan dengan terorisme itu sendiri. Malah, ianya dapat dirawat dan dibendung dengan adanya perubahan nilai, sikap, dan pemikiran individu. Bab seterusnya, ianya lebih meneliti persamaan dan juga perbezaan antara tindakan terorisme dan perbuatan jenayah. Dalam bahagian ini, penulis menjelaskan beberapa situasi dan menerangkan secara terperinci mengenai situasi tersebut untuk membezakan dan membuat persamaan. Penulis menggunakan tempoh masa penyelidikannya untuk mencari jawapan yang kritis terhadap persoalan yang dikemukakan dalam penulisan ini.

Kesimpulannya, buku ini memberi input yang penting dan berguna bagi penyelidik dan masyarakat umum yang haus akan ilmu dari pelbagai aspek. Setiap peristiwa yang berlaku di luar dan dalam Negara biasanya saling berkaitan. Dunia ini hanyalah pentas dan kita adalah pelakunya, berhak mendapatkan keamanan sejagat. Keamanan sejagat hanya dapat dikekalkan dengan adanya nilai-nilai moral yang diamalkan dalam kehidupan seharian.

Pengulas:

Lahung Henri Anyi

Penolong Pustakawan

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



FADLI SALLEH, SHAHIDAN SHUIB, REYNA IBRAHIM &
FIRDAUS ABDULLAH

Cerita Bilik Guru
Batu Caves, Selangor: Komrad Buku, 2018.

Buku ini mengandungi bab cerita demi cerita yang menggabungkan kompilasi pengalaman hidup, cerita perjuangan daripada kaca mata guru yang berbeza. Keempat-empat penulis adalah merupakan guru dari sekolah yang berbeza dan kesemua mereka bergabung untuk merangkumkan sebuah buku yang mempunyai warna-warni, cerita manis dan pahit, lucu dan sedih. Pengalaman bertahun-tahun yang diikuti sepanjang jalan kenangan dalam perjuangan perguruan selama ini.

Tidak ramai yang menyedari begitu banyak kelompok guru yang menjalankan tugas yang sama tetapi dengan cara yang berbeza. Sasaran pelajar, kaedah pengajaran malah lokasi serta sesi pengajaran dan pembelajaran pun sangat berlainan. Guru di sekolah rendah, guru di sekolah menengah guru di desa pedalaman nan terpencil, guru di tengah belantara kota kosmopolitan.

Ada guru yang mengajar di kelas pemulihan khas, guru yang mengajar kanak-kanak awal tahun. Malah ada guru yang mengajar murid-murid kelainan upaya peringkat awal tahun

sehingga ke pringkat menengah. Ada guru yang mengajar hukum tulis dan baca dengan tulisan ‘Braille’ dan ada juga yang mengajar anak-anak menggunakan bahasa isyarat. Di samping itu ada guru yang tugasnya khusus membimbing anak-anak sekolah supaya boleh menjadi atlet gagah negara dengan harapan bakal mengharumkan nama negara pada suatu hari kelak. Begitu juga ada guru yang boleh melembutkan tari mengajar mengekspresikan diri dalam seni di sekolah seni negeri masing-masing.

Menyalak bab demi bab buku ini, cerita bab pertama penulis yang mengelarkan diri sebagai Cikgu Fadli banyak menceritakan anak-anak yang tidak berkemampuan ataupun miskin yang hendak ke sekolah. Kerana kesusahan hidup ada ibu bapa bapa yang tidak mampu menghantar anak-anak ke sekolah meskipun anak-anak tersebut berkeinginan tinggi untuk belajar di sekolah. Ada anak-anak juga yang terpaksa ke sekolah dengan baju sekolah yang lama atau lusuh, kasut sekolah yang koyak dan tidak mempunyai duit untuk makan di sekolah. Di sini dapat di lihat bagaimana peranan guru yang gigih membantu anak-anak yang ingin ke sekolah sekaligus membantu ibu bapa anak-anak tersebut. Keprihatinan guru sebagai sang pendidik dapat dilihat bagaimana anak-anak tersebut bergenang air mata sambil mengucapkan ribuan terima kasih dengan ikhlas kepada cikgu, hati mana yang tidak tersentuh dapat membantu meringankan beban dan membantu merialisasikan cita-cita anak-anak untuk belajar.

Menceritakan kisah Cikgu Shahidan yang lebih menumpukan kepada teguran khas kepada ibu bapa. Pengalaman penulis yang berdepan dengan situasi di mana segelintir ibu bapa yang mahukan itu dan ini buat anak-anak mereka, permintaan semata-mata khusus untuk anaknya seorang sahaja. Ibu bapa yang tidak puas hati dengan pencapaian anak mereka dan menyalahkan sepenuhnya dengan cikgu atas pencapaian tersebut dengan alasan ibu bapa tersebut memang kenal benar dengan anak mereka. Apabila anak-anak berjaya memperoleh pencapaian yang dinginkan dengan bangga dan sompong ibu bapa tersebut berkata itu hasil usaha mereka kerana mereka mempunyai pendidikan yang tinggi dan diwarisi oleh anak mereka.

Kisah berikutnya, iaitu kisah Cikgu Reyna beliau menceritakan bagaimana tugas sebagai guru pra sekolah sehingga di gelar sebagai “cikgu a b c” yang benar-benar mencabar dan memerlukan kesabaran yang tinggi tetapi dipandang rendah oleh segelintir masyarakat

sebagai tugas yang mudah. Sebagai contoh cikgu prasekolah dianggap sebagai pengasuh di sekolah sehingga kes kelewatan mangambil pelajar di anggap sebagai perkara biasa bagi ibu bapa. Seorang guru adalah manusia biasa penuh dengan kelemahan dan kekurangan pasti tidak dapat lari daripada rasa marah, rimas dan lelah. Hanya dengan keikhlasan dan kesabaran segala tomahan dapat dilalui.


Melihat kisah yang terakhir penulis membawa pembaca mengenali kisah seorang "Guru Besar" muda Cikgu Firdaus. Pelbagai pertanyaan dan andaian yang dibuat mengapa dilantik sebagai guru besar pada usia muda iaitu 32 tahun yang belum pun sampai 10 tahun dalam bidang pendidikan. Menjadi seorang guru besar hati kena kental, otak kena pantas. Rutin harian seorang guru besar yang gagah perkasa ialah mengelilingi sekolah, sambil mata meliau-liau ke sana dan ke mari. Yang menariknya ciri seorang ketua yang berkesan adalah seorang pendengar yang baik bukan menjadi penyelesai masalah tetapi menjadi orang yang mendorong orang lain.

Akhir kata, bacalah dan selamilah buku ini dengan hati dan minda yang memahami terutama kepada masyarakat yang bukan berada di dalam bidang pendidikan. Penggunaan gaya bahasa yang mudah serta mudah difahami segenap lapisan masyarakat membuatkan buku ini sesuai untuk dibaca oleh pelbagai golongan umur. Berdasarkan buku ini, kita akan dapat membuka mata masyarakat akan besarnya pengorbanan seorang guru yang tidak kita ketahui di dalam mendidik generasi kini sehingga menjadi manusia yang berguna. Pengalaman dan cerita-cerita yang diceritakan dapat memberikan teladan yang baik kepada kita untuk mengenal insan hebat bergelar, pendidik.

Pengulas:**Norsilah Binti Jainal**

Penolong Pustakawan,
Bahagian Kandungan Digital,
Perpustakaan Negara Malaysia.

ULASAN BUKU



MOHD BAKRI ADAM

Statistik & Kehidupan

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2018.

Statistik sering dianggap topik yang membosankan ketika di sekolah dan Universiti kerana ianya melibatkan angka dan hitungan. Namun, buku statistik & kehidupan ini akan merubah tanggapan dan persepsi pembaca, betapa ia sesuatu yang amat menyeronokkan. Penulis menjelaskan asas ilmu statistik yang mudah melalui contoh senario kehidupan seharian. Buku ini menampilkan pelbagai situasi bagaimana pengetahuan statistik boleh digunakan dalam kehidupan harian kita.

Ramai yang tidak menyedari bahawa kita semua telah, sedang dan akan menggunakan pengetahuan statistik dalam kehidupan harian sehingga kita menemui Tuhan Yang Esa. Penulis mengajak pembaca untuk turut sama membuat analisa statistik melalui kaedah pemerhatian dan pengalaman. Statistik sebenarnya tidak sukar, bahkan mudah dipelajari dan merupakan suatu bentuk pengetahuan yang dapat diaplikasikan dan diambil manfaatnya dalam kehidupan kita.

Maklumat statistik yang tepat membantu proses membuat keputusan yang baik dan berkesan, termasuk golongan remaja agar mereka tidak bertindak sembarangan. Namun masih ramai yang kurang menyedari bahawa pengetahuan statistik akan membantu mereka membuat keputusan yang lebih baik terutamanya merancang kejayaan masa hadapan.

Dalam buku ini, pelbagai suasana diketengahkan oleh penulis bagi memperlihatkan bagaimana konsep statistik mengambil peranannya dalam kehidupan harian kita. Istilah seperti purata, median, mod, kekerapan, maksimum, had and sebagainya banyak digunakan dalam kehidupan harian secara sedar atau tanpa sedar. Semua istilah ini mempunyai hubungkait yang banyak dengan statistik. Dengan sedikit sahaja pengetahuan statistik yang kita ada, diharapkan buku ini dapat membantu sesuatu keputusan dan pertimbangan sewajarnya dibuat. Pengetahuan statistik dapat membantu kita menjadi sorang yang yang lebih prihatin dan berhati-hati pada masa akan datang.

Menyalak helaian demi helaian buku ini, pembaca akan dibawa menerokai betapa statistik melibatkan pelbagai keputusan sehari-hari. Antara bab yang amat menarik perhatian adalah dalam bab statistik dan permainan. Sukan merupakan bidang yang menggunakan statistik secara serius. Nilai statistik tertentu menjadi penentu kepada para atlet negara di lapangan untuk begelar juara. Nilai statistik seperti maksimum atau ekstrem penting digunakan dalam setiap acara sukan. Sebagai contoh untuk menentukan setiap pemenang pingat dalam setiap acara, nilai maksimum dan minimum telah digunakan. Maksimum dan minimum ialah nilai statistik yang telah diambil kira bagi penetapan pemenang bagi setiap acara sukan yang dipertandingkan.

Buku ini disusun dengan ringkas dan mudah untuk difahami oleh sesiapa sahaja kerana menggunakan bahasa yang mudah dan jelas. Amat sesuai untuk bacaan umum sebagai panduan dan rujukan untuk melahirkan rasa seronok terhadap penggunaan angka dan

statistik dalam kehidupan masyarakat. Diharapkan dengan penerbitan buku ini, pilihan pertimbangan secara semborono dan terburu-buru dapat dielakkan sekiranya sedikit pengetahuan tentang statistik dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari kita.

Pengulas:

Izlin Binti Ahmad

Penolong Pengarah,
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Perpustakaan Negara Malaysia.

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



DZULKIFLI ABDUL RAZAK
Idea Dan Pengaruh Universiti Di Zaman Kuno dan Era Moden

Bandar Enstek, Negerti Sembilan: Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), 2018.

Istilah Universiti sudah tidak asing lagi di kalangan masyarakat. Ramai ibu bapa yang menjadikan universiti sebagai kayu pengukur kepada kejayaan anak-anak mereka. Kini pengajian tinggi bukan lagi sesuatu yang terasing dan menghairankan di kaca mata masyarakat. Tidak seperti dahulu ibu bapa terpaksa bergolok bergadai untuk memastikan anak mereka dapat melanjutkan pelajaran ke Universiti.

Di Malaysia, sebelum merdeka negara hanya mempunyai sebuah universiti. Itupun letaknya di Singapura ketika negara itu menjadi sebahagian dari Semenanjung Tanah Melayu. Hanya selepas merdeka universiti tersebut berpindah ke Kuala Lumpur dan menjadi universiti sulung di Malaysia. Enekdot dari hari ke hari kini Malaysia sudah mempunyai puluhan universiti ulung dan terkenal seantero dunia.

Penulis menyatakan sejarah sebuah universiti boleh dikatakan kompleks kerana idea atau

konsepnya yang serupa bermula dengan gelaran dan istilah yang lain sejak dahulu lagi. Misalnya, pada lewat 300 sebelum Era Moden istilah "Akademi" adalah lebih terkenal digunakan. Selain itu, Aristotle juga yang memanggil dengan istilah Lyceum. Ini menunjukkan sejarah kewujudan universiti adalah begitu lama sekali bergantung kepada tamaduan dan peradaban yang berkaitan. Oleh yang demikian untuk menzahirkan terbitan buku ini, penulis telah membahagikan idea beliau kepada 4 iaitu zaman purba, kedua era Islam, ketiga era awal Eropah dan akhir sekali zaman moden.

Menyelak helaian muka surat buku ini ternyata penuh dengan fakta tentang sejarah perkembangan ilmu pengetahuan dari awal zaman purba sehingga sekarang. Penulis menekankan dalam percambahan ini beberapa ciri asal dan tradisi universiti bahkan pengajian tinggi sudah mula berubah sedikit demi sedikit. Model-model universiti direka serba serbi untuk disesuaikan dengan tuntutan serta peredaran masa. Ini sudah tentunya tidak salah, malah dialu-alukan agar universiti akan terus berkembang dan dipelbagaikan. Kepelbagaian dari segi perkembangan serta pertumbuhan ilmu sememangnya dianggap sihat dan digalakkan. Namun asas-asas keilmuan serta prinsip-prinsip ilmiah tertentu wajar dipatuhi supaya tamadun serta peradaban berilmu terus terpelihara dan diperkasa.

Dengan cara demikian kemurniaan ilmu itu sendiri dipertahankan sekaligus menjadi benteng membangunkan sahsiah diri sehinggalah berupaya menzahir berbagai bentuk ilmu baru serta tamadun yang terkesan. Ini berupaya membezakan universiti dengan berbagai organisasi lain, yang lebih memperalatkan ilmu untuk tujuan-tujuan tertentu dan jauh tersisih dar matlamat utama sesebuah universiti.


Oleh sebab itu, kefahaman asas akan idea sebuah universiti menjadi penting dan wajar diketahui oleh ramai. Apatah lagi bagi mereka yang memikul tanggungjawab membangun sebuah universiti lantas menguruskannya. Dengan mempunyai kefahaman yang mantap maka tradisi ilmu serta keilmuan akan terus terjaga dan penyampian ilmu semakin meyakinkan.

Penerbitan buku ini bertujuan untuk melakarkan sepintas lalu perkara-perkara utama yang dirasakan penting sebagai panduan yang boleh digunakan oleh peneraju universiti untuk mentadbir pusat pengajian tersebut. Buku ini menyusuri perkembangan sejarah sejak seawal zaman kuno Yunani sehingga hari ni. Pengaruh serta perubahan utama yang berlaku sepanjang pengembaraan sejarah tersebut dirakam untuk tatapan generasi sekarang kerana ianya telah mewarnai susur galur sesebuah universiti pada zaman berkenaan. Ada yang kekal dan ada yang tidak tetapi pengaruhnya dapat dikesan. Buku ini digarap dengan menggunakan laras bahasa yang tinggi dan agak sukar difahami sebagai pembacaan umum. Oleh itu, buku ini sesuai dibaca oleh barisan pengurusan universiti untuk mendapat idea pentadbiran sesebuah universiti.

Pengulas:

Jamiliana Bt Jamil
Penolong Pengarah,
Pusat Penyerahan Terbiatan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia.

ULASAN BUKU



MIKO SECHONA

Panduan Menjadi Bapa Idaman: Best Dad Ever

Batu Caves, Selangor: Ar-Risalah Product Sdn Bhd, 2018.

Dalam pemikiran kita, ibu sentiasa memiliki nilai kasih saying yang lebih daripada seorang ayah. Keterbatasan waktu seorang ayah dirumah bekerja menimbulkan rasa kejauhan antara anak dan ayah. Di satu sisi seorang ayah perlu memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga bagi mencukupi nafkah keluarga. Disamping itu, seorang ayah juga harus memiliki perhatian, kasih saying, kepedulian, menciptakan rasa bahagia dan juga memantau perkembangan anak. Hal ini menunjukkan bahawa tugas seorang ayah ternyata lebih berat jika dibandingkan dengan seorang ibu.

Dalam sebuah keluarga sering terlihat anak lebih rapat dengan ibu kerana ibu sentiasa memberikan kasih sayang kepada anaknya melalui belaian sentuhan mesra. Sedangkan ayah lebih pada memberi nasihat. Perkara ini tidak boleh dibiarkan kerana sebenarnya ayah dan ibu perlu sama-sama menghadiahkan anak dengan suasana harmonis. Maka, buku ini adalah hasil daripada pendedahan semua sikap ayah yang baik yang mesti dilakukan dan juga dihindari oleh ayah sehingga yang boleh menjadi bapa idaman.

Buku tulisan Miko Sechona ini mengandungi tiga pembahasan yang dijelaskan dengan terperinci. Apa yang menarik dalam bab pertama iaitu Meski Ayah Sering di Luar menceritakan bagaimana seorang ayah yang sibuk berpagian sehingga malam di luar mencari rezeki demi memastikan keluarga cukup makan dan pakai sehingga ruang waktu di rumah berkurangan. Walaubagaimanapun, penulis menyatakan naluri seorang ayah tetap sama seperti seorang ibu ingin membela dan memenuhi kasih sayang kepada anak-anaknya. Sebagai ayah yang bertanggungjawab dan memiliki kasih sayang yang tulus sudah tentu ayah tidak sanggup membiarkan anak-anaknya dalam penderitaan. Seorang ayah yang bertanggungjawab tidak akan bersenang-senang di dalam rumah atau bertidur-tiduran sedangkan anak di rumah kelaparan.

Seterusnya, penulis meneruskan penulisan dengan menjelaskan semua sikap dan perilaku yang harus dihindari oleh ayah terhadap anak. Antaranya adalah mengajarkan keburukan, memukul tanpa alasan, terlalu memanjakan anak, membanding-bandinkan anak, merokok di depan anak serta sentiasa merasakan kebenaran dipihak ayah dan kesalahan dipihak anak. Penulis turut menjelaskan dengan terperinci tentang sikap yang harus ada mulai anak masih kecil menginjak ke usia anak meningkat remaja dan seterusnya dewasa dan ketika sudah bersiap sedia untuk menikah.

Seorang ayah harus berusaha mencurah dan memberi kasih sayang secara utuh, mengajarkan akhlak yang baik, mendoakan kebaikan, menghadirkan cinta di tengah-tengah anak, mengajak anak bermain dan memberikan rangsangan-rangsangan untuk mendorong anaknya dalam memperkaya pengalaman serta menjadi sahabat terbaik buat anak. Ketika anak meningkat remaja, ayah perlu memainkan peranan sebagai motivator, memberikan nasihat-nasihat, berani mengakui kesalahan yang dilakukan ayah, mendidik secara tegas, mengarahkan dan memberi hukuman ketika diperlukan serta mampu berdiplomasi dan kreatif dalam mencipta komunikasi dengan anak.

Dalam bab terakhir penulis turut menjelaskan bahawa tanggungjawab seorang ayah berlanjutan ketika anak sudah menikah. Di sinilah seorang ayah harus menunjukkan contoh tauladan terbaik buat anak dengan selalu memberikan harapan dan pemahaman erti hidup yang sesungguhnya. Ayah juga perlu sentiasa menasihati anak tentang kerukunan rumah tangga. Nasihat ayah sangat penting bagi seorang anak untuk meneruskan fasa baru dalam kehidupan memiliki sebuah rumah tangga.

Buku ini diterbitkan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Penulis turut menyelitkan beberapa contoh yang sering terjadi dalam kehidupan seorang ayah untuk membesarakan anak. Penulis juga sangat berpengalaman dalam bidang motivasi kekeluargaan. Buku ini amat sesuai dijadikan sebagai pembacaan wajib kepada semua bapa dan bakal bapa agar menjadi panduan untuk mendidik anak dengan cemerlang.

Pengulas:**Rosimah Bt Soad**

Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia.

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



IQRO' AL-FIRDAUS

Bercakaplah yang baik-baik atau diamlah!
Batu Caves, Selangor: AR-RISALAH PRODUCT SDN
BHD, 2018.

Buku 'Bercakaplah yang baik-baik atau diamlah' tulisan Iqro' Al-Firdaus dan diterjemahkan oleh Nur Khadijah menceritakan tentang perihal adab pertuturan dan percakapan kita kepada orang-orang disekeliling kita. Tidak mengira usia, bangsa, umur, jantina, pangkat adab pertuturan ini mempunyai nilai-nilai tersendiri yang akan mencerminkan diri kita sebagai seorang manusia. Percakapan yang berteraskan fakta dan idea yang bernalas perlu dihujahkan dengan baik, disalurkan kepada saluran perhubungan yang bersesuaian dan penggunaan bahasa yang boleh diterima oleh orang sekeliling.

Penulis buku ini menyasarkan 2 tajuk besar dan 19 tajuk kecil yang memperincikan apa itu percakapan yang baik dan menjadikan Nabi Muhammad s.a.w sebagai model yang terbaik dari segi menyampaikan dakwah dan cerita yang menjadi rujukan umum para sahabat di zaman baginda.

Pada bab pertama, penulis buku ini merumuskan kepentingan percakapan yang akan menjadi cermin peribadi diri sendiri. Pertuturan yang jelas sebutannya dan mudah difahami memudahkan seseorang itu mendapat jawapan balas daripada pendengar. Penggunaan intonasi yang betul dan bertepatan dengan keadaan semasa boleh membantu sesuatu percakapan itu menjadi bermakna bagi pendengar dan seterusnya tindakan dari percakapan yang baik itu akan mudah dilaksanakan. Keadaan di dalam saat konflik juga perlu menggunakan bahasa percakapan yang bijak.

Jika merasakan suasana percakapan semakin tegang, sebaik-baiknya disarankan agar berdiam diri dan menjadikan percakapan itu berakhir tanpa sebarang keadaan yang lebih serius. Diam tidak bermaksud kita akur dan mengalah pada situasi tetapi diam juga merupakan cara berkomunikasi yang bijak bagi memastikan bahasa percakapan kita masih dilandaskan yang betul. Skill komunikasi pada diri kita perlu sentiasa diperbaiki bagi menajamkan pertuturan kita menjadi lebih baik dengan orang sekeliling.

Pada bab kedua, penulis mengajak pembaca untuk mencontohi teladan Nabi Muhammad s.a.w dalam percakapan. Dalam buku ini, beliau menceritakan empat sifat nabi iaitu Siddiq (Jujur), Amanah (Percaya), Tabligh (Komunikatif) dan Fathanah (Cerdas). Empat sifat terpuji ini menyebabkan sebaran dakwah Nabi Muhammad kepada umat penduduk diterima dengan baik dan kebanyakannya menggunakan ilmu dakwah baginda menjadi pegangan mereka dalam mengharungi kehidupan pada zaman dahulu. Penggunaan bahasa yang mudah, ringkas dan padat menjadi kunci kejayaan Nabi Muhamad SAW dalam menyebarkan syiar Islam kerana baginda seorang yang amat mulia kedudukannya di sisi Allah SWT.

Secara keseluruhannya, cerminan pertuturan dan mesej yang disampaikan menjadi pengenalan diri kepada orang sekeliling. Elakkan menjadi mangsa percakapan orang ramai seperti pepatah ‘kerana mulut badan binasa’. Percakapan yang baik mencerminkan akhlak

dan adab kita yang baik. Berdiam diri bukan bermaksud tiada kepentingan untuk berkata tetapi berdiam diri lebih baik bagi mengelakkan konflik.


Buku ini sesuai dibaca oleh umum kerana perihal percakapan akan mencerminkan bagaimana seseorang itu berfikir dan bagaimana kupasan minda sesuatu perkara itu diterjemahkan menerusi pertuturan. Bagi yang masih mencari-cari cara percakapan yang sesuai dengan keadaan sekeliling, penulis buku ini turut memberi tips-tips untuk memperbaiki gaya percakapan dengan teknik yang boleh dipraktikkan dan mudah difahami. Sebaik-baiknya sebelum memulakan percakapan, perlu dinilai dahulu situasinya, difahami jalan ceritanya, didengari dengan baik sebelum membahas dengan percakapan yang bernas dan diterima pakai kata-katanya. Jika tidak, ambil langkah yang baik agar berdiam diri dan tidak menjadikan cerita itu sensasi yang lebih memburukkan keadaan. Maka diam itu lebih baik lenggok bahasanya daripada bercakap menimbulkan sangsi dan mendatangkan keburukan.

Pengulas:

Azfaradila Binti Zainal Abidin
Penolong Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ADELE FABER & ELAINA MAZLISH
How To Talk So Kids Can Learn At Home And In School (Edisi BM)
Batu Caves, Selangor : PUBLISHING HOUSE, 2018

How To Talk So Kids Can Learn At Home And In School ini merupakan buku Bahasa Inggeris dan diterjemahkan ke edisi Bahasa Melayu. Buku mengandungi lapan bab hasil perkongsian ibu-ibu muda bersama pakar psikologi kanak-kanak, mendiang Dr.Halim Ginott. Terdapat pelbagai kaedah bagi menggalakkan kanak-kanak untuk percaya kepada diri sendiri dan bagi menjadi diri yang mereka mahukan. Selain itu, buku ini memberi panduan bagaimana ibu bapa dan guru dapat bergabung untuk memberi inspirasi kepada anak-anak supaya pandai mengurus diri, berdisiplin, dan memberi tindak balas terhadap sesi pembelajaran.

Ibu-ibu muda ini merasa kagum dengan kemahiran komunikasi yang dipelajari dari Dr. Halim Ginott dan berasa kesal kerana tidak mengetahuinya walaupun mereka bekerja secara profesional dengan kanak-kanak. Ada antara mereka merupakan guru di sekolah

tinggi di bandar raya New York. Mereka mengambil masa lebih dari tiga tahun untuk menghasilkan buku ini. Dalam tempoh itu mereka telah mengumpulkan contoh-contoh yang konkret berkenaan sikap dan bahasa dalam setiap teras proses pembelajaran. Mereka juga berhasil mencari cara bagaimana untuk mencipta persekitaran yang membuat kanak-kanak berasa selamat untuk bercerita tentang emosi mereka.

Sewaktu memulakan penulisan buku ini, penulis membuat keputusan untuk mencipta satu karakter bernama Liz Lander, yang akan bercakap bagi pihak penulis. Beliau adalah seorang guru muda seperti penulis yang pada suatu masa dahulu mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dengan pelajar.

Antara bab yang menarik ialah Bagaimana Mengendali Perasaan yang Menganggu Pelajaran. Penulis berkongsi beberapa cara menangani masalah ini dimana guru atau ibu bapa harus menerima perasaan anak itu walaupun sewaktu kita hendak melarang atau menasihati anak itu dari melakukan sesuatu yang salah. Dengan cara ini mudah bagi anak-anak untuk mengubah tingkah laku apabila perasaan mereka diterima. Cara lain yang penulis kongsikan adalah jangan membandingkan setiap anak itu. Ini membuatkan mereka merasakan perasaan mereka tidak diraikan.

Penulis juga berkongsikan enam langkah melibatkan kreativiti dan komitmen anak-anak. Yang pertama adalah dengan mendengar perasaan dan keperluan anak-anak apabila menghadapi sesuatu konflik. Sebagai contoh dalam sesi pembelajaran, keadaan kelas yang tidak terkawal. Kemudian, sebagai ibu atau guru cuba ringkaskan semula pandangan mereka. Daripada luahan anak-anak itu, ibu atau guru cuba nyatakan kebaikan dan keburukan (*pro and cons*) kerana anak-anak ini masih belum tahu membezakan yang mana baik dan buruk. Selepas itu, ibu atau guru perlu mengajak anak-anak ini sama-sama memikirkan cara untuk menyelesaikan sesuatu konflik yang sedang dihadapi itu dengan menyenaraikan semua idea itu supaya anak-anak itu dapat lihat. Akhir sekali, guru atau ibu sama-sama berbincang kebaikan dan keburukan setiap cara penyelesaian yang

disenaraikan sebelum membuat sebarang keputusan. Dengan cara ini anak-anak dapat lihat dan faham dengan jelas setiap konflik itu dapat diselesaikan dengan baik. Elakkan menggunakan kata-kata yang merendahkan orang lain. Gunakan kata-kata yang sopan.

Membebaskan anak yang terperangkap dalam perwatakan mereka turut dikupas oleh penulis di dalam buku ini. Anak-anak ini ibarat kain putih, yang dilahirkan suci bersih. Mereka tidak tahu bagaimana perwatakan positif yang seharusnya di bawa. Peranan ibu bapa dibantu oleh guru-guru sangat penting dalam membangunkan *self confidence* dalam diri mereka. Penulis berkongsi cara untuk membantu anak-anak dan pelajar ini adalah dengan mencari peluang untuk menunjukkan kepada pelajar gambaran baru tentang diri mereka. Cara lain yang boleh dilakukan adalah dengan meletakkan pelajar itu dalam situasi di mana mereka dapat melihat diri mereka dari sudut yang berbeza. Mainkan peranan kita sebagai ibu bapa dan guru dengan memuji atau berkata positif tentang diri mereka. Selain itu, nyatakan harapan atau perasaan kita kepada mereka.

Secara kesimpulannya, anak-anak ini dilahirkan ibarat kain putih, peranan ibu bapa dibantu pula oleh guru-guru disekolah sangat penting bagi membentuk dan mengenali watak anak-anak. Baca dan cuba praktikan cara-cara yang dikongsi oleh penulis ini kerana setiap cara yang dikongsikan ini telah dipraktikkan oleh penulis dalam kehidupannya dan ia sangat berkesan.

Pengulas:

Nur Amalina Binti Mohamed Anawa
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



TARIQ RAMADAN
APA YANG AKU YAKINI

Diterjemahkan oleh
Ahmad Nabil Amir

Editor
Ahmad Farouk Musa

TARIQ RAMADAN
Apa Yang Aku Yakini

Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front Berhad, 2017.

'Apa Yang Aku Yakini' terjemahan dari buku '*What I Believe*' ditulis oleh Tariq Ramadan sebagai paparan kepada masyarakat mengenai pegangan dan pendirian beliau terhadap permasalahan budaya dan kepentingan nilai dan prinsip kebebasan dan kemanusiaan dalam pertembungan antara dunia Islam dan Barat. Ia menekankan kepentingan untuk masyarakat Islam ikut serta dalam kehidupan dan proses demokratik di Barat dan menekankan nilai-nilai keterbukaan yang harus diamalkan oleh kaum Muslim di Eropah bagi membolehkan mereka memberi sumbangan yang positif dan realistik kepada perkembangan budaya dan moral yang meluas.

Masyarakat Muslim Barat digesa melihat kepada peluang untuk menyertai dan memberi sumbangan sebagai rakan dalam masyarakat demokratik Eropah. Pegangan dan keyakinan agama seseorang tidak seharusnya dijadikan penghalang untuk seorang individu itu menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang warganegara yang komited.


Sebaliknya, Tariq Ramadan menyarankan pemastatutin Muslim Eropah mengamalkan pemikiran kritikal sepanjang masa dalam menjalankan peranan dan tanggungjawab terhadap negaranya yang terdiri di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Pendekatan berfikir secara kritikal ini akan mampu membantu warga Muslim Eropah untuk tidak keliru terhadap dakwaan kononnya wujud konflik antara Islam dan Barat yang tidak dapat dielakkan sehingga bila-bila. Bahkan beliau juga meletakkan Islam sentiasa relevan dan penting dalam wacana membangunkan tamadun manusia seluruhnya.

Buku ini menarik kerana digarap melalui penceritaan kisah perjalanan kehidupan penulis sebagai pelopor falsafah Islam moden, penggerak politik dan sosial Islam. Buku ini dihasilkan bertujuan memberi penjelasan kepada dunia mengenai pegangan dan perjuangan beliau selama ini dan membawa pembaca untuk menyelami dan memahami keinginan seorang Muslim untuk diterima sama-rata di kalangan masyarakat Barat. Pandangan dan hasil nukilan beliau ini sangat memberi inspirasi terutama bagi pembaca yang berminat dalam masyarakat kontemporari, politik dan budaya

Pengulas:**Nur Azidah Binti Azizan**

Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat
Perpustakaan Negara Malaysia


SINOPSIS BUKU



NADIA HASBI
The Misfit Rebel
Petaling Jaya, Selangor: MPH
Publishing, 2018
ISBN: 9789674154493

What is your biggest and scariest dream and why do you want to achieve it? For Nadia Habi, it was to leave her successful corporate job to create the world's most beautiful sportswear to encourage women to lead more active and healthier lifestyles. Nadia had exciting career within the corporate world. She thought she had it all until a series of unfortunate events left her crushed and broken. It was during this dark time that she found clarity and a new purpose. Through her journey, she realized that what you do isn't nearly as interesting as why you do it and reason she embarked on this journey is to inspire women to be the best, happiest and healthiest versions of themselves. In this book, Nadia explains how she made her way from darkness to light and how she is determined to bring light into the lives of others. By sharing how she found her purpose, during the most unexpected of times and her darkest of days, she hopes to help others who are searching for theirs.


SINOPSIS BUKU



SHAIDAH ISHAK
Super Speed Reading
Kuala Lumpur: SAM Synergy Media
Sdn Bhd, 2018
ISBN: 9789670585765

Buku ini membongkar kaedah membaca cara pantas. Buku ini akan membuka jalan fikiran, pandangan sekaligus meyakinkan anda betapa membaca adalah aktiviti yang sangat menarik dan menyenangkan. Buku ini juga dimuatkan dengan teknik-teknik membaca cepat dan efektif untuk menguasai pembacaan buku dan surat khabar, tujuan dan manfaat membaca dan memupuk minat membaca. Selain itu, disertakan latihan-latihan yang dapat dilakukan secara individual maupun berkumpulan. Melalui pembacaan buku ini, anda akan belajar cara meninggalkan kebiasaan membaca yang tidak efektif, meningkatkan pemahaman dalam membaca yang pantas, latihan gerak mata yang menunjang kepantasan membaca dan banyak lagi.


SINOPSIS BUKU



FATHUR RASYID
Calon Wanita Neraka
Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah
House of Publishers Sdn Bhd,
2017
ISBN: 9789674392970

Dalam Islam, wanita diletakkan pada kedudukan yang tinggi. Malah wanita juga memegang tugas yang sangat besar dan berat iaitu sebagai madrasah pertama dalam membina sebuah masyarakat soleh dan solehah. Malah di dalam Al-quran juga dinyatakan tentang betapa pentingnya peranan seorang wanita baik sebagai isteri kepada suaminya, ibu kepada anak-anaknya ataupun anak kepada ibu bapanya. Namun kenapakah buku ini membicarakan tentang mudahnya wanita untuk terjerumus ke dalam neraka? Adakah begitu sukar bagi wanita untuk melakukan kebaikan? Atau adakah begitu sukar bagi wanita untuk meraih pahala? Sedangkan di dalam Al-quran dan hadis banyak dinyatakan tentang bagaimana Islam sangat memuliakan kaum Hawa. Buku ini memberikan kita pencerahan tentang dosa-dosa inilah yang akan mencampakkan mereka ke dalam neraka. Semoga dengan perkongsian yang dibicarakan di dalam buku ini kita akan dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya.


SINOPSIS BUKU



DS MAHADI BZ
Menjadi Jutawan Terpantas
Shah Alam, Selangor: Group Buku
Karangkraf, 2017
ISBN:9789678608138

Menjadi jutawan terpantas mungkin kedengaran sangat menarik bagi anda, seperti membaca buku tentang untuk menjadi cepat kaya. Namun, apakah cara-cara yang betul untuk mengetahui kebenarannya? Dikenali dengan nama Mahadi BZ sudah membuktikan bahawa dirinya mampu menjadi jutawan. Pada usia 23 tahun beliau sudah mampu memiliki asset mewah dan mempunyai pendapatan melebihi gaji Perdan Menteri. Apakah rahsia beliau sehingga beliau mampu untuk memiliki segala kemewahan? Didalam buku ini, beliau berkongsi rahsia cara untuk menjadi jutawan pada usia muda. Turut dikongsi bersama segala teknik dan cara untuk menarik minat pelanggan. Jadikan buku ini sebagai sumber inspirasi kepada anak muda untuk berjaya dalam apa juar bidang yang diceburi.


SINOPSIS BUKU



Mahasiswa Bangkit
Dungun, Terengganu: Megamind
Leadership Sdn Bhd, 2016.
ISBN: 9789671196939

Pada penghujung dekad 1969an dan awal 70an, mahasiswa di Malaysia menjadi satu kelompok manusia yang mendapat perhatian yang istimewa daripada masyarakat. Istilah mahasiswa sebagai kumpulan pendesak, jurubicara ummah, pembela golongan marhaen dan tertindas, pemacu perubahan, pemimpin masa depan serta pelbagai lagi gelaran yang muluk-muluk meletakkan mahasiswa sebagai suatu entiti penting dalam masyarakat. Tetapi selepas Akta Universiti Dan Kolej Universiti (AUKU) diwujudkan pada tahun 1971 dan kemudiannya diperketatkan pada tahun 1975, gerakan mahasiswa secara beransur-ansur menjadi seakan-akan kelompok yang lesu, tidak kreatif dan tidak lagi rancak untuk beraspirasi dalam pergolakan dan pergelutan masyarakat yang menuntut mereka untuk turut serta terlibat. Entah di mana sialnya, walaupun AUKU telah dipinda pada tahun 2009 dan 2012 manakala sekatan-sekatan mahasiswa untuk terlibat aktif dalam politik telah dibuang, kelesuan gerakan mahasiswa pada hari ini tidak banyak berubah.


SINOPSIS BUKU



DR. FAHD RAZY
Doktor Tanpa Kot Putih
Kuala Terengganu: Penerbitan
Kata Pilar, 2017.
ISBN: 9789672014256

Sebelum menjadi doktor, penulis selalu berangan, memakai kot putih dengan dilepaskan butang depan, bertali leher dan berjalan melawan angin sambil tangan menyeluk poket. Kot putih yang berkibaran dibelakang, cool, macam hero dalam filem. Putih adalah suci, jernih. Sifat-sifat elegan dan tulus. Tentu sesuai mewakili kerjaya yang penuh dengan slogan, misi dan visi seperti doktor berjaya. Hakikatnya, kehidupan seorang doktor adalah perjalanan manusia. Tidak semata-mata putih. Tetapi terancam warna, kadang gelap kadang terang kadang jenaka kadang sengsara. Disebalik kot putih yang nampak bergaya itu, seorang doktor hanyalah seorang manusi biasa. Saling tak tumpah seperti pesakit dihadapnya. Naskah ini adalah rakaman manusia yang bergelar doktor cerita berbeza bukan dari sisi heroik seorang doktor.


SINOPSIS BUKU



FATHURI SALEHUDDIN
Mudahnya Menjemput Rezeki 2
Pasir Puteh, Kelantan: Fathuri
Salehuddin, 2017.
ISBN: 9789671173411

Di dalam buku Mudahnya Menjemput Rezeki 1 pembaca dihidangkan dengan makna apa itu rezeki serta amalan-amalan yang boleh dilakukan untuk menjemput rezeki. Buku mudahnya Menjemput Rezeki 2 pembaca dilanjutkan untuk mengetahui siapakah pemberi rezeki. Apabila bercakap soal rezeki, penting untuk diingati bahawa kita memerlukan rezeki bukan sahaja semasa hidup di dunia. Kita juga memerlukan rezeki pada kehidupan selepas mati. Justeru suka atau tidak kita menyentuh mengenai perkara ini. Yakni bagaimana kita boleh mengusahakan kedua-duanya serentak. Pembaca akan dihidangkan beberapa perkara dalam buku ini antaranya adalah bagaimana untuk menjemput rezeki di dunia sekaligus rezeki di akhirat. Selain itu, di dalam buku ini juga terdapat pelbagai idea bagaimana untuk memohon bantuan Allah khususnya yang berkait langsung dengan rezeki. Diharap dengan adanya buku ini, pembaca dapat lebih memahami bagaiman konsep rezeki itu amat bergantung kepada hubungan manusia dengan Allah.


SINOPSIS BUKU



AHMAD HASHIM
Panduan Analisa Data Secara Efisien
Bangi, Selangor: DuBook Press,
2018.
ISBN: 9789670723082

Buku ini ditulis bertujuan bagi membantu calon sarjana muda dalam menyiapkan kertas projek tahun akhir, penyelidikan tesis sarjana dan disertasi soktor falsafah. Buku ini diharapkan dapat membimbing calon menyelesaikan analisis statistik dengan penuh yakin, tenang dan bijaksana tanpa merasa tekanan. Cara penyampiannya menggunakan bahasa yang ringkas, jelas dan tepat supaya mudah difahami. Buku ini mengandungi 14 bab. Keseluruhan kandungan buku ini boleh membantu para calon ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah bagi melaksanakan prosedur analisis data dengan menggunakan program SPSS for Windows. Buku ini dapat membimbing calon lebih mudah memahami dan melaksanakan kaedah bagaimana mendapatkan nilai kebolehpercayaan, kesahan dan objektif. Buku ini telah dihasilkan oleh seorang yang berpengalaman luas dalam bidang pengujian, pengukuran dan penilaian Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan. Penulis juga telah banyak membentangkan kertas kerja penyelidikan yang berkaitan dengan pengujian, pengukuran dan penilaian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.


SINOPSIS BUKU



IKRAM AL-BANJARI
Kembara Peniaga Jalanan
Selangor: GUE RILLA, 2017.
ISBN: 9789672011729

Buku ini menghimpunkan pengalaman seronok pahit manis beberapa orang budak kampung yang mula serius dengan dunia perniagaan. Mereka mula bermiaga semenjak mula berhijrah ke Ibu Kota. Ini merupakan kisah catatan perjalanan perniagaan Ikram Al-Banjari. Bisnes bukan tentang modal duit dan berapa banyak duit yang kite perlu buat. Namun bisnes adalah sebuah perjuangan dan perjalanan yang tiada berpenghujung. Bisnes adalah sebuah perjuangan yang penuh dengan cerita kehidupan. Kembara peniagan jalanan adalah cerita bagaimana penulis mula berminat dengan bisnes dari bangku persekolahan sehingga beliau mula-mula serius untuk membuka langkah kejayaan.

SINOPSIS BUKU




DR. MOHAMMAD NIDZAM
ABD KADIR
Aku Muslim Sunni
Kuala Lumpur: Telaga Biru
Sdn Bhd., 2017.
ISBN: 9789673883349

Tulisan ini adalah tentang Ahli Sunah Wal Jamaah atau juga dikenali sebagai Sunni. Sesungguhnya umat Islam terbahagi kepada pelbagai kumpulan dan puak. Antara kumpulan yang mempunyai kaitan dengan dasar agama ialah Ahli Sunnah wal Jamaah atau Sunni. Maka, disebut Muslim Sunni. Banyak golongan mendakwa bahawa kumpulan mereka adalah Ahli Sunnah wal Jamaah. Bagi masyarakat awam, kemungkinan wujud kekeliruan dalam memahami istilah ini. Justeru itu, tulisan ini berhasrat ingin membicarakan perihal Ahli Sunah Wal Jamaah kepada masyarakat awam agar kita dapat memahaminya dengan baik. Di dalam buku ini, penulis membicarakan dengan lebih lanjut mengenai makna Ahli Sunah Wal Jamaah serta ciri-ciri umum dan khusus golongan Ahli Sunah Wal Jamaah. Diharap buku ini dapat menjelaskan segala kekusutan yang melanda masyarakat mengenai Ahli Sunah Wal Jamaah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



PAK UTIH
Tak Faham-Faham
Gombak, Kuala Lumpur: WMZ Media Sdn Bhd., 2017.
ISBN: 9789670998206

Sudah kahwin pun tak faham-faham. Sudah hadir kursus praperkahwinan pun tak faham-faham. Sudah ada anak tiga pun tak faham-faham. Dan sudah bercucu pun ada juga yang tak faham-faham. Apa yang tak faham-faham itu? Buku ini merupakan buku ketiga dalam siri buku suami memimpin isteri mengurus. Buku Bacaan santai ini memberi tips bagi membantu isteri mengurus suami menjadi pemimpin. Dengan membaca buku ini pasangan suami isteri dapat melayari bahtera rumah tangga mereka dengan lebih bahagia. Bahasa yang digunakan adalah santai. Penulis berjaya mengenengahkan tip menambah testosterone suami dan menyemai oxytocin isteri untuk mengurangkan stress. Buku ini juga menghimpun kisah pengalaman sebenar, nasihat dan panduan daripada asatizah ahli IKRAM serta pengalaman kawan-kawan facebook dan peserta-peserta kursus yang telah penulis kendalikan.

SINOPSIS BUKU




NORZILA ZAKARIA
12 Tip Mengelakkan Ketagihan Gajet
Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains
Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674611682

Buku ini adalah hasil daripada pengalaman penulis menangani anak-anak beliau dan pengalaman pengendalian kanak-kanak di Unit Bimbingan Kanak-Kanak dan Remaja, Klinik Psikiatari, Hospital USM. Kandungan buku ini memberikan fokus kepada masalah ketagihan gajet dalam kalangan kanak-kanak yang semakin parah dan menimbulkan banyak kesan buruk kepada kehidupan kanak-kanak itu sendiri serta orang sekelilingnya. Dalam buku ini, penulis menerangkan tentang konsep ketagihan secara am, apa yang berlaku di otak dan gejala-gejala ketagihan. Seterusnya penulis memperincikan 12 tip untuk mengelakkan ketagihan gajet. Akhir sekali penulis berkongsi kaedah mudah untuk mengubah tingkah laku kanak-kanak menggunakan sistem ganjaran dan senarai semak yang ibu bapa boleh lakukan utnuk mencapai matlamat bebas daripada ketagihan gajet.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




AHMAD SHAFIAI UDA JAAFAR
Menantu Hipster
Petaling Jaya, Selangor Galeri Ilmu Sdn Bhd., 2018.
ISBN: 9789670976822

Buku ini ditulis berdasarkan modul Kementerian Kemertuan yang ditugaskan kepada penulis oleh Jawatankuasa Pemantapan Kesejahteraan Ahli IKRAM pada 2015. Ia disusun khas untuk pasangan muda ahli IKRAM yang dilaporkan menghadapi banyak masalah berhubungan dengan mentua masing-masing. Buku ini menghimpunkan kisah dan pengalaman penulis selama mengendalikan kursus ini kepada ahli-ahli IKRAM. Penulis juga mengambil beberapa tip yang telah dikongsikan bersama dengan ahli-ahli Ratu Hati.com. Forum ini berkongsi mengenai perbincangan masalah kekeluargaan, pasangan suami isteri dan keibubapaan yang mana penulis sendiri adalah penasihat bagi kumpulan froum maya ini. Semoga dengan penerbitan buku ini, pasangan suami isteri generasi Y di nusantara ini yang hidup dalam datu budaya yang hampir sama menyatuni mentua mereka. Malah ibu bapa mentua pun boleh membacanya sebagai panduan mengurangkan tekanan kepada menantu masing-masing semasa melayani mereka.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Sains-Lah 2
Bangi, Selangor : Simptomatik
Press, 2017.
ISBN: 9789672011545

Malaysia bakal menghadapi kemelut kemerosotan kepakaran tempatan, kekontangan ilmu dan kemunduran inovasi dalam tempoh masa yang panjang. Ini kerana wujudnya kemerosotan pengambilan pelajar berdasarkan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) di peringkat sekolah dan penghijrahan pakar ke luar negara. Permasalahan ini menimbulkan motivasi kami di majalah sains. Com untuk meneruskan perjuangan membina generasi celik sains di Malaysia. Buku ini menghimpunkan pengalam 25 penyelidik daripada pelbagai cabang bidang sains dalam membina kerjaya dan meningkatkan daya saing penyelidik tempatan di mata dunia. Buku ini merupakan lanjutan daripada buku pertama. Mengandungi intipati yang mirip seperti buku terdahulu, buku ini mengeletakkan penyelidik berpengalaman, prolifik dan banyak membuat perkongsian kajian saintifik mereka dikhayalkan umum. Diharapkan buku ini memberi inspirasi dan panduan kepada penggemar sains, penyelidik-penyeleidik muda dan turut membuka mata pembaca secara amnya dalam menghargai sumbangaan penyelidik kepada kemajuan Malaysia.


SINOPSIS BUKU



FREDA LIU
Bursting Fixed Mindset
Petaling Jaya, Selangor: MPH
Publishing, 2018
ISBN: 9789674154509

Though female entrepreneurship is growing, more needs to be done to grow this pool of talent. Nothing should stop women from self-empowerment via entrepreneurship. In many cases it is a question encourage. In this book, author presents the stories of courageous and remarkable women entrepreneurs who defied the odds to build their brands in Malaysia, in sectors from fashion and food to education and healthcare. Each story comes with a unique takeaway the important lessons these women learnt and key factors that made their ventures successful. This book is writing to dispel the stubborn notion that woman's place in the home, not at the head of business. The thriving woman entrepreneur is not a myth. Capable women do exist and some of them are right on our doorsteps.

SINOPSIS BUKU



ONN YAHYA AHMAD
Penyelia Berkarisma
Johor Bahru, Johor: Onn Yahya
Ahmad, 2018.
ISBN: 9789671592601

Berbagai pendekatan terdapat dalam menghuraikan peranan dan tanggungjawab penyelia. Namun tidak sama dengan apa yang dialami oleh penulis untuk menyelesaikan masalah penyeliaan dan memotivasi para penyelia dan pemimpin pekerja di tempat kerja. Penulis menulis buku ini berdasarkan penyelidikan tentang masalah penyelia dan ketua di barisan hadapan tempat kerja. Rata-rata mereka dinaikkan pangkat dan jawatan tanpa melalui latihan yang sewajarnya, khususnya dari segi pengurusan dan penyeliaan. Buku ini ditulis dari keluasan pembacaan dan pengalaman penulis sebagai konsultan bidang pengurusan dan bina insan. Isi kandungan buku ini berlatar belakang scenario yang berlaku di Malaysia serta penyelesaian berbudayakan Malaysia. Walaupun banyak teori-teori barat yang diutarakan, namun solusi penyelesaiannya adalah berdasarkan Islam, Melayu dan Budaya Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Buku ini ditulis untuk mengangkat kembali perjuangan dan sumbangaan Khalid Al-Walid kepada generasi Islam. Ilustrasinya yang memukau memberikan gambaran yang menakjubkan tentang bagaimana pelbagai perang terjadi dan bagaimana kecerdikan Khalid Al-Walid dalam memenangi peperangan. Semua ini, tentu sahaja hendak memperlihatkan kepada generasi Islam tentang betapa berkuasanya Allah s.w.t. dan Dialah yang menjadi penentu segala kemenangan. Buku ini dibuat dalam bentuk komik yang membuatkan semua generasi terutama kanak-kanak untuk mudah memahami sejarah tokoh peperangan Islam.

HANDRI SATRIA
Khalid Bin Walid : Pedang Allah
Bangi, Selangor : Syabab Book
Link, 2017.
ISBN 9789670884141

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ALLAN PEASE
**THE DEFINITIVE BOOK OF
BODY LANGUAGE**
Batu Caves, Selangor : PTS
Publishing House Sdn Bhd, 2018.
ISBN: 9789674811730

This book is written almost for idiots. A lot of it covers fairly obvious gesture that all known about it really is matter of paying attention to these things. There a number of topics that were introduced to reader that found rather interesting, not sure how much truth or relevance there is, but nevertheless was new grounds.

The fact that the book is heavily illustrated and includes many photographs of famous individuals makes this a quick and easy reference guide. The author use the middle schoolers writing that makes easier to user to understand the books. The book is a little light on practical application. That is to say, it is left the reader as an exercise to apply the knowledge in the book to their personal lives.


SINOPSIS BUKU



Muhammad Zakaria
PEMBURU BENCANA
Kajang, Selangor: Telaga Biru Sdn Bhd, 2018.
ISBN: 9789673883790

Buku ini ditulis oleh penulis dengan menggambarkan setiap detik kejadian yang pernah dilalui oleh penulis. Penulis menyampaikan isi hati dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami sehingga kadangkala boleh menimbulkan unsur saspens kepada pembaca. Malahan pihak penerbit amat yakin akan tulisan di dalam Pemburu Bencana ini mampu menyuntik semangat anak muda yang tidak pernah menceburi bidang kesukarelawan untuk bersama-sama menyerah diri bagi membantu misi-misi kemanusiaan yang sentiasa memerlukan khidmat tenaga orang muda. Travelog ke lokasi bencana sekitar Nusantara, Benua Kecil Indo Pakistan, Asia Timur, Timur Tengah, Eropah Timur dan Eropah. Ianya merangkumi bencana lama, peperangan, pelarian, penghapusan etnik, pedalaman, kemiskinan, kesesatan akidah dan penindasan. Buku bewarna penuh beserta bendera dan budaya 35 lokasi bencana dan warga setempat memenuhi ruangan di dalam buku ini.

SINOPSIS BUKU




ISU-ISU DOPING DALAM DUNIA SUKAN

Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674612399

Apakah doping? Apakah bahan-bahan yang tersenarai sebagai bahan terlarang dalam sukan? Adakah atlet tidak dibenarkan mengambil sebarang ubat-ubatan walaupun sakit? Bolehkah teknologi membezakan bahan semula jadi dari bahan sintetik? Buku ini membincangkan persoalan-persoalan di atas dan banyak lagi persoalan lain dalam bahasa yang mudah difahami oleh segenap lapisan masyarakat. Penghasilan buku ini mampu memberikan kesedaran di peringkat awal mengenai keburukan doping dan kesungguhan pihak berwajib mengatasi pelbagai cabaran dalam menjalankan analisis anti-doping demi memastikan kelangsungan integriti dunia sukan. Buku ini amat sesuai untuk dijadikan panduan asas kepada semua atlet mahupun bukan atlet dan juga individu-individu yang terlibat dalam aktiviti atau pengurusan sukan di Malaysia.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



NIA HARYANTO
Rahsia Kekuatan OTAK TENGAH
Kuala Lumpur: SAM Synergy
Media Sdn Bhd, 2017.
ISBN: 9789670585796

Otak sememangnya organ manusia yang paling hebat. Objek paling misteri dan paling kompleks yang wujud di muka bumi untuk difahami dan dimengerti. Bertanya lebih kurang 1.5 kg letaknya di antara cecair licin yang dilapisi jaringan yang nipis dan ia bersifat sangat lembut. Meskipun seluruh aktiviti kehidupan tidak pernah terlepas dari menggunakan otak, ramai manusia tidak terlepas pernah tahu apakah sebenarnya yang dikatakan dengan otak. Otak bukanlah mesin, yang kita boleh nampak dengan mata kasar dan jelas apakah kerja yang dilakukan secara langsung. Segalanya tentang otak amat kompleks dan penuh misteri. Ketika sebuah fakta tentang otak muncul, fakta dan penemuan baru tentang otak menyusul. Begitulah seterusnya dan pasti tidak akan tamat. Buku ini merupakan sebuah karya yang mencuba mengungkapkan ciri-ciri otak tengah, bagaimana otak tengah berfungsi serta kaedah pengaktifan otak tengah yang dikupas secara jujur dan logik. Selain itu, buku ini turut mencadangkan cara-cara mengoptimumkan penggunaan otak tengah tanpa dibebani kos yang mahal.

SINOPSIS BUKU



KHAIRUL HAKIMIN MUHAMMAD,
**RAHSIA BAPA VIRAL
KEBANGSAAN**

Bangi, Selangor: GUE.RILL.LA
Sebuah Imprin Thukul Cetak Sdn
Bhd, 2017.
ISBN: 9789672011286

Facebook bukan sekadar media social untuk kita berkongsi cerita. Sebaliknya, ia sudah menjadi platform bisnes, kerja-kerja komuniti, pertubuhan dan sebagainya. Mempunyai jumlah *follower* yang ramai adalah salah satu sasaran setiap pemilik akauan. Ia bukan lagi semata-mata untuk mendapatkan perhatian, sebaliknya untuk meluaskan lagi capaian maklumat terhadap produk dan aktiviti pemiliknya. Bagaimana mahu mendapatkan *follower* yang ramai? Apa strateginya? Apa tindakannya? Bagaimana untuk mengekalkannya? Susahkan? Atau senang sahaja? Baca buku ini bagi mengamati setiap strategi yang dikongsikan oleh penulis. Ia sudah terbukti berkesan apabila jumlah *follower* beliau semakin meningkat secara mendadak. Media social adalah “business card” zaman ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




NORFADILAH
**Panduan Melayani Suami
Seperti Isteri Nabi Muhammad
S.A.W**
Selangor: Al- Hidayah House of
Publishers, 2018.
ISBN: 9789674392482

Gelaran isteri solehah pasti menjadi dambaan setiap Muslimah. Untuk menjadi isteri solehah, seorang isteri mesti mempunyai komitmen dalam melaksanakan segala kewajipan sebagai isteri iaitu melayani suami dengan penuh ketulusan, cinta dan kasih saying. Di dalam buku ini, penulis telah menjalankan kajian dengan meneroka fenomena yang berlaku sekarang ini, iaitu ramai isteri yang mengabaikan tugas dan tanggungjawab terhadap suami dengan membandingkan kepada sikap dan teladan yang ditunjukkan oleh para isteri Nabi Muhammad S.A.W. Penulis berharap agar buku ini mampu memberi inspirasi, hikmah dan mencetuskan kesedaran kita dalam usaha memahami hakikat menjadi isteri solehah. Semoga pembaca dibimbing oleh Allah S.W.T. agar menjadi penghibur yang menyegarkan hati suami.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



AZIHAL BIN BANGSAWAN
Wakaf Bekalan Akhirat
Kajang, Selangor: Precious Print
Sdn Bhd, 2018.
ISBN: 9789671576014

Buku ini adalah hasil dari permintaan rakyat Sabah yang sering bertanya perihal wakaf kepada penulis. Majoriti masyarakat mengetahui hukum wakaf adalah sunat berbanding zakat yang wajib. Ia disyariatkan oleh Allah S.W.T. sebagai kaedah untuk manusi mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. tambahan pula ganjaran pahala wakaf ini berkejalan selamanaya. Menariknya hikmah wakaf itu menambahkan amalan kebajikan, peluang taqarrub kepada-Nya, meningkatkan darjat manusia di sisi Allah serta amalan berwakaf ini sangat. Dalam buku ini pelbagai perkara berkaitan wakaf akan dikupas. Bermula dengan definisi wakaf, dalil Al-Quran dan al-Hadis, rukun dan sejarah wakaf, pengurusan wakaf di Malaysia sehingga huraian kepada hikmah wakaf. Penulis ini berharap dengan terbitnya buku ini kesedaran di kalangan masyarakat untuk turut sama berwakaf akan semakin meningkat.

SINOPSIS BUKU



NIK OMAR NIK ABDUL AZIZ
Kerana Dakwah Bukan Sekadar
Kata-Kata

Batu Caves, Selangor: PTS Publishing House Sdn Bhd., 2018.
ISBN: 9789674812027

Nukilan ini terhasil berbekalkan daripada ilmu, pengalaman dan pengamatan penulis kepada scenario dakwah dalam kehidupan bermasyarakat di Malaysia. Begitu ramai individu dan kumpulan yang komited kepada usaha dakwah dalam pelbagai jalur dan wadah. Masing-masing berusaha atas kapasiti dan keupayaan yang dianugerahkan oleh Allah S.W.T. kepada mereka bagi membawa mesej rahmatan lil Alamin. Penulis rasa bertanggungjawab untuk menyeru orang lain kepada Islam dan pada masa yang sama menyeru semua umat Islam untuk menjadi pendakwah yang membawa mesej Islam yang indah, comel dan menjadi rahmat kepada seluruh alam. Didalam buku ini, penulis menyatakan tentang keindahan Islam serta betapa mudah dan mulianya agama Islam. Penulis berharap agar nukilan yang tidak seberapa ini menjadi asbab untuk lebih ramai lagi terlibat dalam usaha dakwah dengan pendekatan mesra kepada semua manusia.

SINOPSIS BUKU




WAN ROSLAN WAN SALLEH
**Kuasai IQ Wang Orang Kaya:
Bongkar Rahsia Bagaimana
Orang Kaya Berfikir Tentang
Duit**

Ampang, Selangor: Warna Bestari
Enterprise, 2017.
ISBN: 9789671505304

Ramai orang begitu teruja menginginkan kehidupan yang luar biasa apabila melihat secara fizikal kekayaan dan kesenangan hidup yang dimiliki yang membuatkan hati berdetik dan berdebar-debar mencari formula yang memungkinkan kita pun boleh menjadi kaya seperti mereka. Malangnya, kerana kita tidak punya banyak ilmu maka kaya yang cuba kita capai adalah kaya yang cuba disegerakan seperti terlibat dalam skim cepat kaya. Buku ini memberi panduan panduan praktikal persediaan awal sebelum mengorak melangkah untuk menjadikan anda seorang yang benar-benar dapat mengubah cara hidup dapat mengelak daripada melalui pengalaman yang terhindar dari kehidupan yang penuh dengan pancaroba dan tipu helah. Buku ini menyediakan platform matematikal untuk anda faham dan menjadi seorang yang bijak berbicara soal wang. Ikuti langkah-langkah yang digariskan dan praktikkan apa-apa yang dipelajari dari buku ini.


SINOPSIS BUKU



ROSLI SAID, ROHAYU AB MAJID, MD NASIR DAUD
**Penyelidikan Pasaran Hartanah
Bagi Projek Pembangunan**
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti
Malaya, 2018.
ISBN: 9789674880385

Pretasi ekonomi negara bukan sahaja memberi kesan terhadap perkembangan sektor harta tanah malah kemajuan ekonomi turut dipengaruhi oleh pembangunan harta tanah itu sendiri. Justeru, pelaksanaan pembangunan harta tanah yang berjaya adalah Penting untuk perkembangan ekonomi negara. Sehubungan itu setiap projek pembangunan harta tanah sememangnya memerlukan sebuah penyelidikan pasaran yang menyeluruh bagi menjamin daya maju sesebuah projek. Buku ini dapat menambah kefahaman baru terhadap pasaran harta tanah dalam kalangan bakal penyelidik dan membantu para penyelidik sekaligus menyumbang kepada projek pembangunan harta tanah yang berdaya maju. Diolah dalam bahasa yang mudah, buku ini amat sesuai bukan hanya untuk bacaan dan panduan bagi khalayak khusus (perunding harta tanah, ahli ekonomi, pemaju, ahli akademik, ahli kewangan dan para penyelidik) malah juga sesuai sebagai bacaan khalayak umum.

SINOPSIS BUKU



Manifesto Perubahan
Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), 2018.
ISBN: 9789672158189

Manifesto Perubahan bererti penyataan kepercayaan, harapan, dan polisi bagi menjayakan perubahan. Politik ialah suatu yang sangat murni untuk disertai oleh semua warga Malaysia dalam sistem berdemokrasi. Politik perlu didekati, bukan untuk dijauhi. Politik untuk mengurus manusia bukan untuk merosakkan dunia. Perubahan politik pula, bukan untuk ditakutkan manakala politik perubahan pula bukan sesuatu yang menjegkelkan tetapi sesuatu manifestasi harapan. Pilihanraya kali ke-14 yang dikatakan sebagai bapa segala pilihanraya setelah 20 tahun pasca reformasi harus melupakan titik mula kebangkitan rakyat untuk berpartisipasi bagi memaknakan kuasa rakyat yang sebenar. Buku ini menjelaskan tentang perubahan dan harapan Malaysia selepas apa yang terjadi selepas pilihanraya yang lepas.


SINOPSIS BUKU



MD NOOR SALEH
Berijazah Secara PJJ Di Malaysia
Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674611446

Segulung ijazah menjadi impian ramai. Tidak semua bernasib baik mendapatkannya secara saluran utama. Tawaran PJJ (Pengajian Jarak Jauh) adalah peluang terbaik. Namun, mereka yang pastinya telah mempunyai komitmen lain tetapi masih menyimpan impian ini tetap akan dibelenggu dengan seribu persoalan berkaitan PJJ. Apakah sebenarnya PJJ? Sesuaikah menjadi pelajar jarak jauh? Bagaimana proses pengajaran dan pembelajarannya serta lain-lain. Semua persoalan ini dikupas dengan rapi di dalam buku ini. Sebagai perintis dalam PJJ di Malaysia, penulis mengaplikasikan pengalaman dan kepakaran luas beliau dalam membincangkan tentang keseluruhan aspek PJJ termasuk variasi pengajaran PJJ, cabaran pembelajaran, ciri dan gaya pembelajaran pelajar serta strategi kejayaan. Penulisan buku ini ditujukan khas untuk bakal pelajar dan pelajar jarak jauh institusi pengajian tinggi Malaysia untuk berjaya dengan cemerlang. Buku ini juga relevan untuk panduan pelajar sepenuh masa sistem konvensional di dalam kampus.

SINOPSIS BUKU



MD NOOR SALEH
**Seronoknya Pengajian Tinggi:
Pembelajaran Terbuka dan
Jarak Jauh**

Pulau Pinang: Penerbit Universiti
Sains Malaysia, 2018.
ISBN: 9789674612696

Dunia berubah selari dengan perkembangan dan kemajuan teknologi. Maka kita juga perlu berubah, untuk mengimbangi dan menyesuaikan dengan perubahan yang sedang berjalan dengan pantas sekali. Dalam konteks tersebut, buku ini ditulis berdasarkan kepada premis pendidikan jarak jauh dan pembelajaran dalam talian yang mengupas persoalan-persoalan seperti cabaran dan faktor kejayaan PJJ. Pembaca juga didedahkan dengan sejarah, kos dan jaminan kualiti yang akan membantu mereka dalam pemilihan institusi pengajian tinggi (IPT) pemberi pendidikan tinggi, pendidikan jarak jauh membolehkan mereka mendidik pelajar jarak jauh mengikuti pengajian dengan selesa. Buku ini ditulis sebagai panduan kepada mereka yang baru terlibat dengan PTJJ, khasnya untuk pelajar (dan calon pelajar), pendidik jarak jauh, iaitu pengurus kursus/pengajar dan pengurus/ [entadbir IPT. Diharapkan pembaca dapat mengambil iktibar mana yang sesuai dengan kehidupan untuk dijadikan panduan dalam pengurusan kursus dan program jarak jauh.

